



	<p style="text-align: center;"><b>KENYATAAN / SIARAN AKHBAR</b></p> <p style="text-align: center;">Untuk maklumat lanjut sila hubungi:  <b>Bahagian Perkhidmatan Komuniti</b>  <b>Perbadanan Putrajaya</b>  <b>Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013</b></p>
---	---

## "PPJ LANCAR BLUEPRINT MASYARAKAT SEJAHTERA PUTRAJAYA"

**PUTRAJAYA, 5 Mac 2019** – Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), YBhg Datuk Dr. Aminuddin Bin Hassim menyempurnakan pelancaran Blueprint Masyarakat Sejahtera Putrajaya 2018 -2022 di Dewan Sri Siantan, Kompleks PPj. Turut hadir Naib Canselor, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), YBhg. Prof. Ir. Dr. Mohd Hamdi Abd Shukor.

Pelan tindakan baharu yang dibangunkan bersama UKM ini, bertujuan untuk merealisasikan perancangan, pembangunan dan perkhidmatan ke arah keseimbangan Hubungan Manusia dengan Tuhan, Manusia dengan Manusia dan Manusia dengan Alam Untuk Mencapai Masyarakat Sejahtera. Selain itu, ia juga menjadi garis panduan dalam membentuk sebuah masyarakat sejahtera yang mengamalkan nilai-nilai murni serta mempunyai hubungan masyarakat yang baik, beradab, berfikiran luas serta bertanggungjawab di Putrajaya.

Blueprint ini telah mengenalpasti sejumlah 6 Teras Strategik iaitu Agama, Sosial, Pendidikan, Ekonomi, Governans dan Infrastruktur Fizikal serta 25 Inisiatif yang saling berkait berlandaskan kepada beberapa realiti, isu dan cabaran di Putrajaya. Pelbagai program telah diperincikan di dalam Pelan Tindakan Blueprint ini bersekali dengan senarai aktiviti, sasaran pencapaian dan agensi yang dipertanggungjawabkan supaya selari dengan misi Blueprint ini.

Untuk maklumat lanjut berhubung Majlis Pelancaran Blueprint Masyarakat Sejahtera Putrajaya, sila hubungi Encik Mohd Fairus Bin Mohd Padzil, Pegawai Perhubungan Media, PPj di talian 03-88877347/019-3354346 atau emel [m.fairus@ppj.gov.my](mailto:m.fairus@ppj.gov.my).



**(KAMARUDDIN BIN DOLMAT)**  
**Naib Presiden**  
**Jabatan Perkhidmatan Korporat**  
 b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 4 Mac 2019